



OHIO  
UNIVERSITY

**PUSAT SUMBER MALAYSIA DI UNIVERSITI OHIO, ATHENS, AMERIKA SYARIKAT**

Universiti Ohio mempunyai hubungan kerjasama yang erat dengan Malaysia dalam bidang pendidikan sejak tahun 1960an. Program kerjasama dengan Institut Teknologi Mara (ITM), yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah bermula sejak tahun 1975. Melalui sumbangan dari kerajaan Malaysia, Kursi Tun Abdul Razak telah ditubuhkan di Universiti Ohio di mana seorang tokoh akademik terkemuka daripada universiti-universiti awam di Malaysia dipilih untuk menyandang Kursi ini secara bergilir-gilir.

Pusat Sumber Malaysia di Universiti Ohio telah ditubuhkan pada tahun 1988 setelah dipersetujui oleh Kabinet untuk mengukuhkan fungsi Kursi Tun Abdul Razak ini dan menjadikan Universiti Ohio sebagai pusat rujukan mengenai Malaysia bagi rantau Amerika Utara. Perpustakaan Negara Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan peruntukan dan memperoleh bahan untuk dihantar sebagai koleksi Pusat Sumber Malaysia ini.